

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN PEMAKAIAN PELITUP MUKA  
DI PREMIS INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada kenyataan media Menteri Kesihatan Malaysia bertarikh 7 September 2022 berkaitan semakan semula keperluan pemakaian pelitup muka.

Mengambil kira sesi persekolahan penggal 3 bagi Sesi Akademik 2022/2023 yang akan bermula pada 11 September 2022 bagi negeri Kumpulan A dan 12 September 2022 bagi negeri Kumpulan B, KPM ingin memaklumkan bahawa pemakaian pelitup muka semasa berada di dalam bangunan (indoor) dan di luar bangunan (outdoor) atau kawasan terbuka di kawasan institusi pendidikan adalah **mengikut pilihan individu**. Walau bagaimanapun, KPM menggalakkan pemakaian pelitup muka dalam kawasan institusi pendidikan khususnya di kawasan ramai orang dan sesak.

Bagi individu bergejala seperti demam, batuk dan selesema, pemakaian pelitup muka semasa di dalam bangunan (indoor) kawasan institusi pendidikan adalah **diwajibkan**, manakala pemakaian pelitup muka di luar bangunan (outdoor) kawasan institusi pendidikan pula adalah **amat digalakkan**.

Bagi individu yang dikesan positif COVID-19 semasa berada di institusi pendidikan atau asrama, mereka **diwajibkan** memakai pelitup muka semasa dirujuk ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) atau fasiliti kesihatan berhampiran untuk pemeriksaan dan penilaian kesihatan.

Di samping itu, murid **diwajibkan** memakai pelitup muka semasa menaiki bas/van sekolah atau perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi termasuk perkhidmatan *e-hailing*.

Ketetapan ini turut terpakai untuk semua institusi pendidikan bawah KPM serta disarankan agar ketetapan ini turut terpakai di semua institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM, termasuk institusi pendidikan bawah kerajaan negeri

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**10 September 2022**